



14 November 2017
14 November 2017
P.U. (A) 347

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2017

EARTHWORKS (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA) BY-LAWS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2017

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-
undang
kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENGEMUKAAN PELAN

3. Pelan kerja tanah hendaklah dikemukakan dan diperakui
4. Kewajipan jurutera
5. Pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan
6. Laporan, pelan, spesifikasi dan butiran hendaklah dikemukakan
7. Pelan dan spesifikasi boleh dikemukakan secara berasingan
8. Kelulusan, pindaan dan pembaharuan pelan dan spesifikasi
9. Kerja cerucuk
10. Jurutera hendaklah mengawas dan melaporkan paras bunyi, getaran dan kualiti air
11. Kod amalan piawaian hendaklah dipatuhi

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN KHAS YANG BERHUBUNGAN DENGAN KERJA TANAH ASAS TAPAK

Undang-
undang
kecil

12. Kehendak mengenai cerucuk sasak keping keluli
13. Tanah hendaklah disiasat dan aras mata air hendaklah ditentukan

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN AM YANG BERHUBUNGAN DENGAN KERJA TANAH

14. Permohonan berasingan untuk kerja pecah batu
15. Pemeliharaan tanah atas
16. Pokok atau tumbuhan lain tidak boleh ditebang sehingga tapak sedia untuk diusahakan
17. Kerja tanah melebihi tiga meter
18. Memperingkatkan kerja tanah
19. Syarat yang mesti dipatuhi sebelum kerja boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya
20. Langkah berjaga-jaga terhadap kemalangan

BAHAGIAN V

PELBAGAI

21. Pelan, spesifikasi dan butiran lanjut
22. Pengangkutan
23. Permit untuk mengangkut bahan
24. Fi untuk memeriksa tapak
25. Pemeriksaan pelan
26. Parit hendaklah disenggarakan sepanjang tempoh kerja
27. Kajian penilaian kesan alam sekitar
28. Tugas jurutera untuk memaklumkan
29. Kesalahan

Undang-
undang
kecil

- 30. Pengecualian
- 31. Kerja tanah kecil
- 32. Pembatalan dan peruntukan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70A(17) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], sebagaimana yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pengubahsuaian Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974) 2002 [*P.U. (A) 143/2002*], Perbadanan Putrajaya dengan ini membuat undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2017**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 15 November 2017.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“jurutera” ertinya seorang jurutera professional dengan suatu Sijil Amalan di bawah seksyen 10D Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*] dan berkelayakan dalam kejuruteraan awam;

“jurutera kepada Perbadanan” ertinya mana-mana jurutera yang diperlukan untuk menjalankan fungsi seorang jurutera sebagaimana yang dinyatakan dalam Undang-Undang Kecil ini seperti yang berikut:

(a) jurutera yang diambil bekerja sebagai kakitangan Perbadanan;

(b) jurutera daripada mana-mana agensi Kerajaan yang dilantik oleh Perbadanan; atau

(c) jurutera yang diupah dengan fi oleh Perbadanan.

“kerja tanah” termasuklah apa-apa aktiviti pengorekan, perataan, penimbunan dengan apa-apa bahan, penanaman cerucuk, pembinaan asas atau penebangan pokok atas mana-mana tanah atau apa-apa perbuatan lain yang berkaitan dengan atau mengganggu mana-mana tanah;

“kerja tanah asas” termasuk pembinaan asas, tingkat bawah tanah, bina galas, penambat bumi, cerucuk, batu sendi dan peparit;

“kerja tanah kecil” ertinya apa-apa kerja tanah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga;

“pencemaran” hendaklah mempunyai erti sebagaimana yang ditafsirkan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*];

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*];

“tanah atas” ertinya lapisan asal permukaan tanah peroi yang berorganik daripada kawasan hutan atau kawasan penanaman, dengan tekstur berlom, sesuai untuk pertumbuhan pokok dan berukuran sekurang-kurangnya lima puluh sentimeter dalam; dan

“tasik” termasuklah—

(a) badan perairan utama;

(b) tanah paya;

- (c) rizab tasik;
- (d) saluran; atau
- (e) sungai;

dan seperti yang ditunjukkan dalam pelan yang dikenal pasti dengan merujuk kepada W.P.P. Pelan Warta 4—

- (i) yang disediakan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan, Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- (ii) yang ditarik dan diperakui sebagai pelan yang benar dan betul mengenai kawasan itu oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan, Wilayah Persekutuan Putrajaya; dan
- (iii) yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Wilayah Persekutuan Putrajaya bersekali dengan dokumen yang menunjukkan koordinat yang digunakan dalam menyediakan pelan itu.

BAHAGIAN II PENGEMUKAAN PELAN

Pelan kerja tanah hendaklah dikemukakan dan diperakui

3. (1) Pelan yang berhubungan dengan kerja tanah yang dikehendaki dikemukakan di bawah seksyen 70A Akta ini hendaklah dikemukakan bersama dengan borang permohonan dalam Borang A Jadual Kedua.

(2) Fi yang kena dibayar untuk pengemukaan dan permohonan yang dinyatakan dalam perenggan (1) hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(3) Permohonan dalam Borang A Jadual Kedua hendaklah—

- (a) ditandatangani oleh seorang jurutera dan mengandungi suatu perakuan yang dibuat olehnya menyatakan bahawa spesifikasi dan butiran yang terkandung di dalamnya adalah betul;
- (b) ditandatangani balas oleh pemunya tanah yang berkenaan itu atau oleh ejennya yang diberi kuasa secara bertulis; dan
- (c) menyatakan alamat penuh pemunya itu atau ejen itu.

Kewajipan jurutera

4. (1) Seseorang jurutera yang memperakui pelan di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah—

- (a) bertanggungjawab atas pelaksanaan yang sempurna akan kerja tanah itu dan hendaklah terus bertanggungjawab sehingga selesai kerja tanah itu melainkan jika—
 - (i) dengan persetujuan Perbadanan, seorang jurutera lain dilantik untuk mengambilalih; atau
 - (ii) Perbadanan bersetuju untuk menerima penarikan diri atau penggantiannya atas permintaan pemunya;
- (b) menyelia dan membuat pemeriksaan yang perlu untuk memastikan kerja tanah itu dijalankan mengikut pelan, spesifikasi, arahan, pindaan atau syarat yang dikenakan oleh Perbadanan dan peruntukan Undang-Undang Kecil ini;
- (c) memberitahu cadangan tarikh permulaan kerja tanah dengan mengemukakan Borang B Jadual Kedua kepada Perbadanan dalam masa satu minggu sebelum memulakan kerja tanah itu; dan

(d) memberitahu penyelesaian kerja tanah itu dengan mengemukakan Borang C Jadual Kedua kepada Perbadanan dalam masa satu minggu selepas selesai kerja tanah itu.

(2) Jika Perbadanan bersetuju untuk menerima penarikan diri atau penggantian seseorang jurutera di bawah subperenggan (a)(ii), kerja tanah itu tidak boleh dimulakan atau diteruskan sehingga seorang jurutera lain dilantik untuk mengambilalih.

(3) Borang G1 dan Borang G3 yang dirujuk di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor (Pindaan) 2007 [*Sel. P.U. 9/2007*] hendaklah diguna pakai bagi semua permohonan kerja tanah yang membabitkan pendirian bangunan.

(4) Perenggan (1) undang-undang kecil ini tidak boleh ditafsirkan sebagai melepaskan mana-mana orang daripada tanggungjawab di bawah seksyen 71 Akta ini.

(5) Bagi maksud undang-undang kecil ini, ungkapan “jurutera yang memperakui pelan” hendaklah termasuk mana-mana jurutera yang mengemukakan semula pelan atau mana-mana jurutera yang dilantik untuk mengambilalih.

Pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan

5. (1) Semua pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan atau seberapa banyak salinan sebagaimana yang diperlukan oleh Perbadanan dan satu salinan dalam format digital sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbadanan.

(2) Satu salinan pelan berwarna atas bahan linen atau bahan lain yang tahan lasak dan tahan lama, bersama dengan satu salinan lain, akan disimpan oleh Perbadanan manakala salinan ketiga hendaklah dikembalikan kepada orang yang mengemukakan pelan itu selepas kelulusan.

(3) Jika pelan tidak diluluskan, satu salinan pelan itu hendaklah dikembalikan kepada orang yang mengemukakan pelan itu.

Laporan, pelan, spesifikasi dan butiran hendaklah dikemukakan

6. (1) Melainkan jika dikecualikan oleh Perbadanan, laporan, pelan, spesifikasi dan butiran yang berikut hendaklah dikemukakan:

- (a) laporan penilaian permulaan tapak bersekali dengan butiran terperinci mengenai pemuliharaan tanah atas, langkah untuk mengawal hakisan dan pemendapan, kualiti air, tumbuhan, sekiranya ada, dan pencegahan pencemaran;
- (b) suatu pelan tapak yang dibuat mengikut skala yang tidak kurang daripada 1:1000 menunjukkan dengan warna jelas tapak kerja tanah, jalan masuk, tempat mendarat, sekiranya ada, kawasan perkhidmatan, stesyen kawalan kualiti air, sekiranya ada, lokasi simpanan stok biomas dan palung pembasuhan, sekiranya ada, alur utama, alur air semulajadi atau buatan, parit dan tanah yang bersambung atau sebahagian daripadanya yang menyatakan skala yang digunakan dan tunjuk arah utara;
- (c) pelan pada kontor dua meter menunjukkan tanah di mana kerja tanah itu akan dijalankan dan tanah yang bersambungan dengannya sehingga minimum dua puluh meter atau lebih daripada sempadan tapak bergantung kepada topografi kawasan sekitar dan sebagaimana yang dikehendaki oleh jurutera Perbadanan mengikut skala tidak kurang daripada 1:500 dan pelan itu hendaklah diperakui oleh seorang jurukur tanah berlesen;
- (d) pelan mengikut skala tidak kurang daripada 1:500 menunjukkan—
 - (i) aras platform untuk bangunan;
 - (ii) aras siap jalan;

- (iii) aras dasar parit dan lintasan;
 - (iv) tempat air keluar saluran;
 - (v) penutupan atau lencongan mana-mana alur utama dan alur air semulajadi atau buatan atau pembaikan padanya;
 - (vi) apa-apa pengorekan, pemotongan atau penimbunan;
 - (vii) perlindungan bagi kerja tanah itu dan tebing tasik daripada hakisan, termasuk peruntukan menyediakan sistem perparitan sementara, perangkap kelodak, kolam takungan air hujan dan palung pembersihan yang dilengkapi dengan air bertekanan tinggi atau kaedah lain yang dinyatakan oleh Perbadanan semasa kerja tanah itu berterusan;
 - (viii) laluan jalan masuk antara palung pembersihan dengan hujung jalan masuk awam hendaklah dilindungi dengan sepatutnya seperti yang dinyatakan oleh Perbadanan; dan
 - (ix) air basuhan daripada palung pembersihan perlu disalurkan ke dalam perangkap kelodak yang bersaiz tidak kurang daripada 1 meter lebar x 1 meter panjang x 1.2 meter dalam sebelum dialirkan ke longkang awam;
- (e) pelan muka keratan lintang dan bujur tidak kurang daripada 1:100 bagi skala tegak dan tidak kurang daripada 1:500 bagi skala datar menunjukkan tanah yang dipunggah bagi kerja tanah itu yang akan dijalankan di tapak itu;
- (f) cara pengorekan, perataan, penimbunan, cerucuk pelindung atau apa-apa proses geoteknikal yang lain yang akan dijalankan;

- (g) jadual bagi kerja tanah dan susunan dalam mana kerja tanah itu akan dijalankan secara berperingkat;
- (h) banyaknya tanah yang hendak dikorek atau ditimbus, tempat di mana tanah yang dikorek itu hendak diletakkan, atau tanah yang digunakan untuk penimbunan hendak didapatkan dan disertai dengan kelulusan oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi memindahkan tanah itu;
- (i) langkah berjaga-jaga yang diambil bagi melindungi tasik, tanah, bangunan, jalan dan lain-lain harta yang bersambungan;
- (j) pengukuran hidrografi tapak dilaksanakan sebelum dan selepas kerja tanah itu dijalankan, sekiranya tapak tersebut adalah di atas tasik;
- (k) cadangan untuk pengawalan habuk yang timbul akibat kerja tanah itu; dan
- (l) pelan yang terperinci mengikut skala tidak kurang daripada 1:50 dan spesifikasi bagi apa-apa cerucuk sasak keping atau lain-lain struktur penahan atau penstabilan cerun yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Jika berkaitan, kiraan dan segala aras bumi dan kontor yang dirujuk dalam Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibuat dengan merujuk kepada data yang diberikan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

Pelan dan spesifikasi boleh dikemukakan secara berasingan

7. (1) Pelan dan spesifikasi yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 6 boleh, dengan kebenaran Perbadanan melalui jurutera Perbadanan, dikemukakan secara berasingan.

(2) Tiap-tiap pelan dan spesifikasi yang berikutnya yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan suatu perakuan yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 3.

Kelulusan, pindaan dan pembaharuan pelan dan spesifikasi

8. (1) Tiada kerja tanah boleh dimulakan sehingga semua pelan dan spesifikasi yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini telah diluluskan.

(2) Pelan dan spesifikasi yang diluluskan oleh Perbadanan boleh dikemukakan semula untuk pindaan, perubahan atau pengubahan tetapi dalam hal yang demikian kehendak di bawah undang-undang kecil 3(2) hendaklah terpakai sewajarnya.

(3) Setiap kelulusan pelan dan spesifikasi hendaklah sah digunakan bagi tempoh dua belas bulan dari tarikh kelulusan.

(4) Perbadanan boleh, atas permohonan bertulis yang dibuat sebelum tamat tempoh yang ditetapkan dalam perenggan (3), dan tertakluk kepada pembayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, melanjutkan tempoh itu selama dua belas bulan lagi.

(5) Walau apa pun perenggan (3) dan (4), suatu permohonan baharu boleh dikemukakan kepada Perbadanan untuk kelulusan.

Kerja cerucuk

9. (1) Jika kerja cerucuk dicadangkan, pelan yang dikemukakan di bawah undang-undang kecil 6 hendaklah mengandungi—

(a) pelan mengikut skala yang tidak kurang daripada 1:50, spesifikasi bahan untuk cerucuk itu dan cara untuk menjalankan kerja cerucuk itu;

- (b) suatu perakuan oleh jurutera bahawa kerja cerucuk itu tidak akan menyebabkan apa-apa bahaya kepada pengemudian atau pengguna tasik yang lain, atau menimbulkan gangguan yang serius kepada pengaliran air di dalam atau kepada tasik; dan
- (c) suatu perakuan oleh jurutera bahawa paras bunyi akibat daripada kerja cerucuk itu tidak akan menyebabkan kemarahan atau kacau ganggu kepada penduduk di kawasan sekelilingnya.

(2) Semua kerja cerucuk hendaklah dijalankan pada waktu bekerja atau mana-mana waktu yang diluluskan oleh Perbadanan.

Jurutera hendaklah mengawas dan melaporkan paras bunyi, getaran dan kualiti air

10. (1) Jurutera hendaklah, melainkan jika dikecualikan oleh Perbadanan, mengawas—

- (a) paras bunyi dan getaran disebabkan oleh kerja cerucuk; dan
- (b) paras kualiti air, sekiranya tapak adalah di tasik atau mana-mana alur air yang lain.

(2) Jurutera hendaklah mengemukakan laporan yang mengandungi apa-apa maklumat yang berkaitan dengan subperenggan (a) dan (b) pada lat tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

Kod amalan piawaian hendaklah dipatuhi

11. (1) Di mana jua berkenaan, pelan, spesifikasi dan kiraan yang dikemukakan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah mematuhi kod amalan piawaian sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan termasuk yang berikut:

- (a) Penyiasatan tapak – Kod Amalan Piawaian British 5930;

- (b) Kerja tanah – Kod Amalan Piawaian British 6031;
- (c) Asas – Kod Amalan Piawaian British 2004;
- (d) Struktur penahan tanah - Kod Amalan Piawaian British 8002; dan
- (e) Asas dan substruktur bagi bangunan bukan perindustrian, yang tidak lebih daripada empat tingkat – Kod Amalan Piawaian British 101.

(2) Jika mana-mana Kod Amalan Piawaian Malaysia dikeluarkan selepas Undang-Undang Kecil ini berkuat kuasa, maka ia hendaklah menggantikan Kod Amalan Piawaian British mengenai hal perkara yang sama dan hendaklah dipatuhi.

(3) Walau apa pun perenggan (2), pelan dan spesifikasi yang telah diluluskan di bawah Kod Amalan Piawaian British atas kerja tanah yang dijalankan di bawahnya tidak akan terjejas.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN KHAS YANG BERHUBUNGAN DENGAN KERJA TANAH ASAS TAPAK

Kehendak mengenai cerucuk sasak keping keluli

12. (1) Sisi bagi segala kerja tanah asas yang melebihi tiga meter dalam hendaklah dilindungi dengan cerucuk sasak keping keluli.

(2) Dalam keadaan kedalaman sisi bagi kerja tanah asas yang tidak melebihi tiga meter, cara perlindungan alternatif yang lain hendaklah dibina.

(3) Kehendak di bawah perenggan (1) dan (2) boleh dilonggarkan, diubah atau dikecualikan oleh Perbadanan apabila Perbadanan berpuas hati daripada spesifikasi, rekabentuk dan kiraan yang dikemukakan kepada Perbadanan bahawa suatu cara perlindungan alternatif yang sekurang-kurangnya sama berkesan atau lebih

baik dan akan memberi perlindungan yang mencukupi bagi harta yang bersebelahan atau perlindungan itu tidak diperlukan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Tanah hendaklah disiasat dan aras mata air hendaklah ditentukan

13. (1) Penyiasatan tanah hendaklah dijalankan dan kedalaman aras mata air dalam mana-mana kerja tanah asas hendaklah ditentukan, dan jurutera yang mengesahkan pelan di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah mengemukakan laporan penyiasatan tanah dan memperakui bahawa apa-apa perendahan aras mata air tidak akan menyebabkan kerosakan kepada mana-mana struktur, jalan atau mana-mana harta lain di sekelilingnya.

(2) Pemunya tanah hendaklah mengemukakan laporan geoteknikal dan laporan reka bentuk yang disediakan oleh jurutera untuk kerja tanah seperti yang berikut:

- (a) tapak yang akan dibina bangunan lima tingkat atau lebih;
- (b) tapak dengan kecerunan sedia ada melebihi dua puluh lima darjah atau lebih;
- (c) tapak yang akan dibina suatu struktur penahan yang tingginya melebihi tiga meter; dan
- (d) tapak yang akan dikorek melebihi tiga meter dalam.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN AM YANG BERHUBUNGAN DENGAN KERJA TANAH

Permohonan berasingan untuk kerja pecah batu

14. Jika kerja pecah batu hendak dijalankan di atas tapak kerja tanah, suatu permohonan berasingan secara bertulis hendaklah dibuat oleh jurutera kepada Perbadanan untuk kelulusan.

Pemuliharaan tanah atas

15. Tanah atas tapak kerja tanah hendaklah dipulihara bagi tujuan penanaman atau landskap di tapak, atau apa-apa tujuan lain seperti yang diluluskan oleh Perbadanan.

Pokok atau tumbuhan lain tidak boleh ditebang sehingga tapak sedia untuk diusahakan

16. Pokok atau tumbuhan lain di atas tapak kerja tanah tidak boleh ditebang atau diterangkan sehingga tapak kerja tanah itu telah sedia untuk diusahakan dan kebenaran bertulis Perbadanan telah diperolehi.

Kerja tanah melebihi tiga meter

17. (1) Segala kerja tanah yang melebihi tiga meter tinggi atau dalam hendaklah, melainkan jika dikecualikan oleh Perbadanan, dilindungi dengan suatu struktur penahan atau penstabilan cerun.

(2) Dalam hal apabila struktur penahan atau penstabilan cerun kekal dikecualikan oleh Perbadanan, maka hendaklah diadakan struktur penahan atau penstabilan cerun sementara dalam masa kerja tanah itu berterusan melainkan jika dikecualikan oleh Perbadanan.

(3) Apa-apa struktur penahan atau penstabilan cerun perlu berada di dalam sempadan tapak pemunya.

Memperingkatkan kerja tanah

18. Kerja tanah yang dijalankan hendaklah diperingkatkan mengikut susunan yang dikemukakan di bawah subperenggan 6(1)(g) dan tiada kerja tanah boleh dimulakan atau diteruskan ke peringkat yang berikutnya melainkan—

(a) apa-apa syarat yang dikenakan oleh Perbadanan di bawah undang-undang kecil 19 telah dipatuhi; dan

- (b) jurutera yang memperakui pelan itu memperakui secara bertulis bahawa kerja tanah itu tidak mungkin akan menyebabkan kacau ganggu atau kerosakan kepada harta di sekelilingnya.

Syarat yang mesti dipatuhi sebelum kerja tanah boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya

19. Perbadanan boleh, pada bila-bila masa sebelum apa-apa kerja tanah boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya, menghendaki—

- (a) pengaliran dan pelencongan alur utama dan alur air semulajadi atau buatan, termasuk mengadakan permatang dan pembentung yang cukup;
- (b) perangkat kelodak dan lain-lain kemudahan pengawalan pemendakan diadakan dengan cukup serta disenggara dengan sepatutnya;
- (c) struktur penahan, jika perlu, diadakan;
- (d) kawasan lapang, cerun dan tebing dilindungi dengan secukupnya bagi mengelakkan hakisan;
- (e) semua tindakan praktikal telah diambil untuk mengawal apa-apa habuk yang boleh timbul akibat daripada kerja tanah itu;
- (f) asas jalan telah dibina dan permukaan jalan itu disendal bagi mengelakkan enap daripada dihanyutkan ke dalam alur air yang sedia ada;
- (g) timbusan itu dipadatkan; dan
- (h) apa-apa syarat lain yang boleh dikenakan oleh Perbadanan supaya dipatuhi.

Langkah berjaga-jaga terhadap kemalangan

20. Mana-mana orang yang menjalankan kerja tanah hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga terhadap kemalangan dengan memasang apa-apa papan tanda, pengadang, rantai atau tiang, dan menyebabkan kerja itu diterangi dengan lampu secukupnya dan dijaga pada waktu malam.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

Pelan, spesifikasi dan butiran lanjut

21. (1) Perbadanan melalui jurutera Perbadanan boleh, jika difikirkan perlu—

- (a) menghendaki pelan, spesifikasi dan butiran lanjut dikemukakan;
- (b) memberi arahan lanjut atau membuat pindaan lanjut kepada pelan itu; atau
- (c) mengenakan syarat lanjut yang difikirkan patut.

(2) Apa-apa arahan, pindaan dan syarat yang diberikan dan dikenakan di bawah perenggan (1) hendaklah dipatuhi.

Pengangkutan

22. Semua bahan yang hendak diangkut ke atau daripada tapak kerja tanah hendaklah diletakkan di suatu tempat dan mengikut arahan dan syarat itu sebagaimana yang boleh dikenakan oleh Perbadanan.

Permit untuk mengangkut bahan

23. (1) Tiap-tiap orang yang menggunakan apa-apa kenderaan untuk tujuan mengangkut bahan sepanjang jalan awam atau di tasik, kepada atau daripada mana-mana tapak kerja tanah dalam kawasan Perbadanan hendaklah mendapatkan permit daripada Perbadanan dan hendaklah—

- (a) memastikan bahawa badan kenderaan atau vesel itu dalam keadaan yang baik dan tidak ada celah atau lubang yang bahan mungkin jatuh;
- (b) memastikan bahawa bahan tidak diisi dalam kenderaan atau vesel itu melebihi ketinggian sisi kenderaan atau vesel itu;
- (c) menutup bahan dengan tarpaulin, plastik, kanvas atau apa-apa bahan yang sesuai;
- (d) memastikan bahawa roda dan tayar kenderaan itu bersih sebelum membenarkan kenderaan masuk ke mana-mana jalan awam atau tempat awam;
- (e) menampal permit kelulusan pada badan kenderaan atau vesel;
- (f) mengambil tindakan untuk membersihkan jalan atau tasik yang dikotori oleh habuk, kotoran atau serpihan yang jatuh, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (g) menggunakan jalan yang ditetapkan oleh Perbadanan; dan
- (h) mematuhi syarat lain yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Perbadanan boleh mengeluarkan permit di bawah perenggan (1) setelah bayaran fi dibuat sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(3) Tiap-tiap permit untuk mengangkut bahan hendaklah sah untuk tempoh satu bulan dari tarikh dikeluarkan.

Fi untuk memeriksa tapak

24. Orang yang mengemukakan pelan untuk pertimbangan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah membayar fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama bagi tiap-tiap lawatan ke tapak untuk pemeriksaan yang dibuat oleh Perbadanan atau pegawai yang diberi kuasa oleh Perbadanan.

Pemeriksaan pelan

25. (1) Suatu pelan yang telah diluluskan boleh diperiksa di pejabat Perbadanan dengan membayar fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Pelan itu boleh disalin dan pelan itu diperakui sebagai salinan yang benar dengan kelulusan orang yang mengemukakan pelan itu dan dengan pembayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Parit hendaklah disenggarakan sepanjang tempoh kerja

26. Parit dalam dan bersambungan dengan tapak kerja tanah hendaklah disenggara sepanjang tempoh kerja tanah dalam pelan yang diluluskan dan hendaklah berterusan disenggara dalam keadaan yang sama sehingga kebenaran untuk memberhentikan kerja tanah diberi oleh Perbadanan.

Kajian penilaian kesan alam sekitar

27. Bagi kerja tanah yang meliputi kawasan yang luas, Perbadanan boleh, mengikut budi bicara mutlak, melalui jurutera Perbadanan, menghendaki suatu kajian penilaian kesan alam sekitar atau saliran dikemukakan oleh jurutera.

Tugas jurutera untuk memaklumkan

28. Jurutera yang menyelia kerja tanah hendaklah memaklumkan Perbadanan tentang apa-apa pergerakan tanah, gelinciran bumi, apa-apa kegagalan atau perubahan dalam aras mata air yang berlaku di tapak atau tapak yang bersambungan dengan tapak kerja tanah.

Kesalahan

29. (1) Tiada seorang pun boleh—
(a) dengan diketahuinya atau dengan cuai mengemukakan pelan, spesifikasi, kiraan atau butiran yang palsu dalam apa-apa butiran material atau memberi perakuan palsu yang dikehendaki di bawah Jadual Kedua;

- (b) tanpa sebab yang munasabah, tidak mematuhi apa-apa arahan, pindaan atau syarat yang diberikan atau dikenakan di bawah Undang-Undang Kecil ini;
- (c) tanpa sebab yang munasabah, gagal memberi notis yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 4(1)(c) dan (d); atau
- (d) melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit dan boleh dikenakan denda lanjut tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Pengecualian

30. (1) Undang-Undang Kecil ini tidak terpakai bagi kerja tanah kecil seperti yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

(2) Perbadanan boleh mengecualikan mana-mana orang daripada pembayaran fi sebagaimana yang ditetapkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Kerja tanah kecil

31. (1) Jurutera hendaklah mengemukakan kepada Perbadanan suatu perakuan dalam Borang D Jadual Kedua sebelum memulakan sesuatu kerja tanah kecil.

(2) Jika mana-mana kerja tanah diperakui di bawah perenggan (1) sebagai kerja tanah kecil, jurutera Perbadanan boleh, pada bila-bila masa, memeriksa tapak kerja tanah itu dan mengarahkan pemberhentian serta-merta keseluruhan atau separuh daripada kerja tanah itu jika berpuas hati bahawa kerja tanah itu bukanlah kerja tanah kecil sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Pembatalan dan peruntukan peralihan

32. (1) Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Perbadanan Putrajaya) 1996 [Sel. P.U. 40/1996] dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah disifatkan dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau digantikan oleh Undang-Undang Kecil ini.

JADUAL PERTAMA
[undang-undang kecil 3]
FI

No.	Butiran	Fi (RM)
1.	Kerja tanah asas tidak melebihi enam meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali dan melibatkan hingga lima ratus meter padu tanah	RM 65.00
	Bagi tiap-tiap seratus meter padu tambahan tanah yang terlibat atau sebahagian daripadanya	RM 12.50
2.	Kerja tanah asas melebihi enam meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali	1½ kali fi yang ditetapkan dalam butiran no. 1
3.	Kerja tanah asas melebihi dua belas meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali	2 kali fi yang ditetapkan dalam butiran no. 1
4.	(i) Fi pemprosesan	RM 50.00 setiap permohonan
	(ii) Kerja tanah	RM 250.00 sehektar atau sebahagiannya
5.	Untuk lawatan ke tapak dan pemeriksaan oleh jurutera Perbadanan atau pegawai yang diberi kuasa oleh Perbadanan	RM 30.00 satu lawatan
6.	Pemeriksaan suatu pelan yang diluluskan	RM 6.00 satu pelan
7.	Untuk menyalin satu salinan pelan	RM 24.00 sekeping

- | | | |
|-----|---|--|
| 8. | Untuk memperakui satu set pelan sebagai salinan yang benar | RM 10.00 sekeping |
| 9. | Untuk melanjutkan tempoh kelulusan pelan kerja tanah | Lima puluh peratus daripada fi asal |
| 10. | Permit kenderaan mengangkut bahan | RM 50.00 sebulan bagi setiap kenderaan |
| 11. | Permit vesel untuk mengangkut bahan | RM 1000.00 setahun bagi setiap vessel |
| 11. | Kelulusan kerja jalan bagi pembinaan lampu jalan dan lampu isyarat: | |
| | Peti pembekal | RM 10.00 seunit |
| | Kawalan tempatan | RM 10.00 seunit |
| | Tiang lampu | RM 10.00 seunit |
| | Lampu isyarat | RM 10.00 seunit |

JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2017

BORANG A

PENGEMUKAAN PELAN UNTUK KERJA TANAH

[perenggan 3(1)]

Presiden Perbadanan Putrajaya,

.....

Saya/Kami dengan ini memohon untuk kerja yang dicadangkan berikut:

.....

.....bagi pihak (Nama Pemunya/Pemaju)

.....

No. Lukisan
kiraan dan penentuan dikemukakan bersama-sama ini dalam tiga salinan termasuk satu salinan digital.

Saya dengan ini bertanggungjawab sepenuhnya untuk rekabentuk, penentuan dan perjalanan kerja tersebut.

Tandatangan

Nama :

Profesion :

Alamat:

.....

.....

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera:

.....

Tarikh :

Presiden Perbadanan Putrajaya,

.....

Saya/Kami, Pemunya/Pemaju projek yang tersebut di atas dengan ini mengesahkan bahawa jurutera di atas:

Nama

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera.....

Alamat.....telah

dilantik untuk mengemukakan pelan-pelan bagi pihak saya/kami.

Saya/Kami dengan ini mengaku janji seperti berikut:

1. Nama dan alamat jurutera yang bertanggungjawab untuk menyelia kerja akan dikemukakan sebelum permulaan kerja;
2. Saya/Kami akan mematuhi dengan sepenuhnya kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2017;
3. Pegawai Perbadanan berhak untuk memasuki pada bila-bila masa yang munasabah untuk memeriksa kerja, stor bahan dan tapak di mana kerja itu dijalankan; dan
4. Saya/Kami akan bersama dan berasingan bertanggungjawab dengan jurutera bagi apa-apa kerosakan harta dan lain-lain akibat daripada pembinaan kerja tersebut.

Tandatangan :

Nama :

Profesion :

Alamat:.....

Tarikh:.....

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2017

BORANG B

NOTIS MEMULAKAN KERJA TANAH

[subperenggan 4(1)(c)]

Presiden Perbadanan Putrajaya,

.....

Saya memberi notis bahawa selepas tamat tempoh satu minggu dari tarikh notis diterima saya bercadang untuk memulakan kerja tanah iaitu:

.....

.....

atas Lot/Lot-lot :

Mukim/Bandar :

Jalan :

bagi :

menurut pelan yang diluluskan No.:

Tandatangan:

Nama:

Profesion:

Alamat:

.....

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera:

Tarikh:

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2017

BORANG C

NOTIS TAMAT KERJA TANAH

[subperenggan 4(1)(d)]

Presiden Perbadanan Putrajaya,

.....

Saya memperakui bahawa kerja tanah iaitu.....

.....

atas Lot/Lot-lot.....

Mukim/Bandar.....

Jalan.....

bagi.....

telah disempurnakan menurut –

*(a) pelan yang diluluskan; atau

(b) pelan yang diluluskan dengan pindaan mengikut perenggan 8(2).

Tandatangan :.....

Nama :.....

Profesion :.....

Alamat:.....

.....

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera:.....

Tarikh :.....

*potong yang tidak berkenaan

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2017

BORANG D

PERAKUAN KERJA TANAH KECIL

[undang-undang kecil 31]

Presiden Perbadanan Putrajaya,

.....

Saya memperakui bahawa kerja penggalian yang akan dijalankan atas
Lot/Lot-lot.....
Mukim/Bandar.....
Jalan.....
bagi.....
ialah kerja tanah bersifat kecil menurut Jadual Ketiga Undang-Undang Kecil Kerja Tanah
(Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2017.

2. Saya faham bahawa pengecualian daripada kehendak Undang-Undang Kecil Kerja Tanah
(Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2017 tidak akan melepaskan saya daripada tanggungjawab
ke atas mana-mana orang bagi apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh kerja tanah tersebut.

3. Saya juga bersetuju mengganti rugi dan terus mengganti rugi Perbadanan Putrajaya
terhadap apa-apa tuntutan, kerosakan, kerugian, tindakan atau prosiding yang boleh diambil
terhadapnya yang disebabkan oleh dan akibat daripada kerja tanah tersebut.

Tandatangan :.....

Nama :.....

Profesion :.....

Alamat:

.....

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera:.....

Tarikh :.....

JADUAL KETIGA

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2017

KERJA TANAH KECIL

[undang-undang kecil 2 dan 31]

1. Mengorek untuk landskap tanpa struktur sedalam tidak melebihi tiga meter.
2. Mengorek untuk menanam atau membantun pokok atau tiang sedalam tidak melebihi tiga meter.
3. Mengorek untuk pembinaan lurang dan memasang paip dan kabel sedalam tidak melebihi tiga meter.
4. Mengorek untuk lubang asas tidak melebihi tiga meter kali tiga meter untuk bangunan kediaman yang sekurang-kurangnya tiga meter jauh daripada sempadan dan tidak melebihi tiga meter dalam.
5. Mengorek untuk asas yang tidak melebihi tiga meter dalam selagi pengorekan itu bukan untuk maksud pembinaan tingkat bawah tanah dan tidak ada bangunan di harta bersebelahan.
6. Mengorek dalam lingkungan tapak tidak melebihi tiga meter dalam dan melebihi tiga meter jauh daripada sempadan dan untuk pengorekan itu cerucuk tidak dikehendaki.
7. Apa-apa kerja yang ditentukan oleh Perbadanan sebagai kerja tanah kecil.

Dibuat 1 November 2017

[PPj/UNDANG(A) 6-4; PN(PU2)252/X]

DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
Menteri Wilayah Persekutuan

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974
EARTHWORKS (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA) BY-LAWS 2017

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I
PRELIMINARY

By-law

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II
SUBMISSION OF PLANS

3. Plans of earthworks to be submitted and certified
4. Duties of engineers
5. Plans shall be submitted in triplicate
6. Reports, plans, specifications and particulars to be submitted
7. Plans may be submitted separately
8. Approval, amendment and renewal of plans and specifications
9. Piling works
10. Engineer shall monitor and report noise, vibration and water quality levels
11. Standard codes of practice to be complied with

PART III
